



KOSMO

13/08/2009

Page: 53

Business & Finance

Region: Malaysia

Circulation: 108798

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 136.41 sq.cms

Frequency: MTWTFS

Muat turun lagu daripada laman web DiGi

PETALING JAYA – DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. (DiGi) melancarkan laman web DiGi Music Unlimited dan perkhidmatan muzik mudah alih pertama di negara ini sebagai langkah strategik dalam mengembangkan penguasaannya bagi segmen belia.

Ketua Bahagian Produk dan Segmen Pemasaran DiGi, Albern Murty berkata, memandangkan golongan belia di negara ini mewakili kira-kira 50 peratus daripada keseluruhan penduduk di negara ini maka perkhidmatan yang ditawarkan ini amat penting kepada syarikat berkenaan.

“Ketika ini DiGi menguasai pasaran sebanyak 27 peratus (dalam segmen belia) dan kami berhasrat untuk meningkatkan kadar tersebut sekurang-kurangnya satu pertiga dalam segmen tersebut,” katanya selepas majlis perkhidmatan baru tersebut di sini semalam.

Mengulas mengenai perkhidma-

tan muat turun itu, Murty menjelaskan, pelanggannya boleh memuat turun lagu tanpa had daripada laman web DiGi dengan hanya RM5 sebulan.

“Melalui perkhidmatan tersebut, pelanggan boleh mendapatkan pelbagai lagu daripada perpustakaan muzik syarikat rakaman gergasi, Universal Music dan Sony Music menerusi akses telefon mudah alih dan komputer,” jelasnya.

Selain itu, Murty berkata, pelanggan DiGi Music Unlimited tidak perlu membayar caj data melayari dan muat turun ketika berkunjung ke laman web itu untuk berkongsi senarai lagu dan trek lagu bersama rakan-rakan menerusi khidmat pesanan ringkas, mel elektronik dan rangkaian laman sosial.

Tambahnya, bagi pelanggan yang menyertai keahlian ini sebelum bulan November, mereka akan menikmati akses percuma ke portal perpustakaan muzik selama 30 hari.

Untuk mendaftar perkhidmatan tersebut, pelanggan hanya perlu taip ‘On music’ dan hantar kepada 2000 atau melayari laman www.DiGiMusic.com.my.

